

PROGRAM JIWA MURNI MAJLISIFTAR RAMADHAN BERSAMA MASYARAKAT ISLAM ORANG ASLI KG JERAM PADANG BAHAU NEGERI SEMBILAN

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5008-program-jiwa-murni-majlis-iftar-ramadhan-bersama-masyarakat-islam-orang-asli-kg-jeram-padang-bahau-negeri-sembilan

BAHAU, 21 Mei 19 – MPSTU dengan kerjasama Glitzkoin CSR Unit dan Shoulder, organisasi bukan kerajaan (NGO) telah mengadakan Program Jiwa Murni Majlis Iftar Ramadhan bersama Masyarakat Islam Orang Asli Kg Jeram Padang Bahau Negeri Sembilan.

Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah Program Memasak Bubur Lambuk, Saringan Kesihatan oleh LPPKN Negeri Sembilan dan Penyampaian Bantuan Hari Raya untuk Keluarga Islam Orang Asli.

Turut hadir semasa program tersebut, Mej Aznan bin Alias TUDM-PS 2 Tadbir, pegawai dan staf MPSTU.

Pihak MPSTU telah menyelaraskan aktiviti berkenaan dan bersama membantu NGO yang terlibat menjayakan aktiviti tersebut. Program seumpama ini dapat memberi peluang kepada masyarakat awam untuk berinteraksi dengan warga TUDM dan mengeratkan lagi ikatan silaturahim dengan masyarakat tempatan.



